

Kenyataan Sebutharga Bil. 49/2025

Tarikh Iklan : 3 Disember 2025 (Rabu)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam Kod Bidang **yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2025/B189	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Dan Pembekalan Tisu Tangan, Sabun Cuci Tangan Dan 'Air Freshener' Di Depoh Tunda Sentul Di Jalan Tun Razak Jabatan Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tempoh Dua (2) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 3 Disember 2025 (Rabu) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 22 Disember 2025 (Isnin)
2025/B190	Membekal Dan Menghantar Alatganti Tulen Motosikal Jenama Modenas Ke Stor Pusat Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Dan Elektrikal Untuk Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 110301 Atau 110304	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 3 Disember 2025 (Rabu) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 22 Disember 2025 (Isnin)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi **eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Berkuatkuasa serta-merta keperluan Sijil Pematuhan Cukai **(Tax Compliance Certificate – TCC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berstatus 'PATUH'**
4. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.

6. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
7. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 3 Disember 2025 (Rabu)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my